MENILAI DAYA TAHAN INSTITUSI KEWANGAN

Setiap tahun, Bank menjalankan ujian tekanan kesolvenan makro dan mikro berbilang tahun dari atas ke bawah (*top-down*) untuk menilai kemungkinan impak tekanan kewangan dan makroekonomi yang berpanjangan terhadap setiap bank dan penanggung insurans, serta sistem kewangan yang lebih meluas.

Ujian tekanan kesolvenan makro dari atas ke bawah yang terkini telah dijalankan pada awal tahun 2023 dan meliputi tempoh tiga tahun sehingga akhir tahun 2025. Ujian ini didasarkan pada dua senario buruk untuk menilai daya tahan institusi kewangan terhadap laluan penguncupan atau kelembapan pertumbuhan ekonomi yang berbeza. Senario tersebut tidak menggambarkan ramalan ekonomi sebenar Bank. Sebaliknya, senario tersebut direka untuk menilai keupayaan institusi kewangan untuk menghadapi kejutan yang teruk.

Senario buruk pertama (SB1) menilai daya tahan institusi kewangan terhadap gangguan dalam persekitaran operasi yang sementara tetapi teruk. SB1 mengandaikan bahawa ekonomi Malaysia menguncup secara mendadak pada tahun 2023 dengan magnitud yang lebih besar daripada yang dilihat semasa pandemik COVID-19. Dalam senario ini, penguncupan yang mendadak dalam pertumbuhan global dan ketegangan geopolitik yang meningkat dijangka memberikan kesan yang buruk terhadap tahap eksport dan pengeluaran Malaysia. Kebanyakan perniagaan akan merasionalkan atau mengecilkan operasi kerana kekurangan penampan tunai dan ketiadaan sokongan dasar untuk mengurangkan kenaikan kos yang mendadak. Keadaan ini seterusnya mengakibatkan kehilangan pekerjaan yang banyak dengan kadar pengangguran memuncak pada 5.4%. Keadaan kredit juga lebih ketat apabila institusi kewangan semakin menghindari risiko pada tahun 2023. Pertumbuhan KDNK kemudiannya mengalami pemulihan berbentuk V yang kukuh pada tahun 2024 dan kembali normal selepas itu. Situasi ini disokong oleh pelonggaran dasar monetari global apabila inflasi jatuh dan momentum pemulihan ekonomi global meningkat.

Senario buruk kedua (SB2) mengandaikan penguncupan atau kelembapan ekonomi yang kurang teruk tetapi lebih berpanjangan berbanding dengan SB1. Senario ini bertujuan untuk menilai keupayaan institusi kewangan untuk menghadapi persekitaran operasi yang sukar dalam tempoh masa yang lebih panjang. Dalam senario ini, KDNK merekodkan pertumbuhan negatif pada tahun 2023 dan 2024, sebelum pulih sedikit pada tahun 2025. Kadar pengangguran mencapai tahap tertinggi pada 6.0% pada tahun 2024 dan kekal tinggi sepanjang tempoh ujian tekanan dengan kesan kerosakan ekonomi yang teruk berpanjangan terhadap pasaran pekerja disebabkan oleh keadaan ekonomi yang lemah.

Dalam ujian tekanan terkini, penghindaran risiko global yang lebih tinggi diandaikan di bawah kedua-dua senario dalam keadaan prospek pertumbuhan global yang tidak menentu. Akibatnya, terdapat aliran keluar portfolio yang besar dan tidak menentu daripada pasaran ekonomi yang sedang pesat membangun. Inflasi yang berterusan dan dasar monetari yang menjadi ketat dalam ekonomi maju juga menyebabkan keadaan kewangan global yang lebih ketat dalam kedua-dua senario, walaupun pendirian dasar monetari di bawah SB2 adalah kurang ketat berbanding dengan SB1. Kadar hasil bon pula terus meningkat dengan kenaikan yang lebih berpanjangan di bawah SB2 disebabkan oleh keadaan kewangan global yang berterusan ketat. Trend ringgit berbanding dolar AS lebih lemah dan mencapai paras terendah yang tidak pernah dicatatkan sebelum ini dalam kedua-dua senario, tetapi dengan pelarasan yang lebih mendadak pada tahun 2023 di bawah SB1. FBM KLCI menurun secara lebih mendadak tetapi kemudiannya meningkat semula dengan lebih tinggi di bawah SB1, manakala pemulihan kekal perlahan di bawah SB2 dalam keadaan pemulihan ekonomi yang lemah dan ketidaktentuan dasar yang berpanjangan.

Penambahbaikan yang dibuat terhadap andaian utama yang terpilih dalam ujian tekanan terkini digariskan dalam Jadual 2.1.[17] Dalam sesetengah keadaan, ujian tekanan mengutamakan elemen konservatif lebih daripada senario makroekonomi yang koheren supaya potensi kesan risiko pertumbuhan yang lebih perlahan tambahan dapat diukur. Sebagai contoh, ujian tekanan mengandaikan OPR berada pada trend

[17] Untuk keterangan lanjut tentang metodologi ujian tekanan, sila rujuk rencana 'Ciri Utama Simulasi Kesolvenan Makro yang Dipertingkat bagi Bank-bank', 'Meramal Kemerosotan Perniagaan: Pendekatan Serampang Dua Mata' dan 'Meramal Masa Mungkir Isi Rumah' dalam Tinjauan Kestabilan Kewangan Separuh Pertama 2020 Bank Negara Malaysia.

menurun,[18] yang memberikan kesan buruk terhadap keuntungan bank. Walau bagaimanapun, kos pinjaman untuk perniagaan diandaikan lebih tinggi disebabkan oleh peningkatan kadar hasil bon dan ringgit yang menyusut. Ujian tekanan juga mengandaikan kos pinjaman isi rumah tidak berkurang walaupun OPR diandaikan lebih rendah. Apabila perlu, pertimbangan tambahan dibuat untuk syarikat bukan PKS besar yang terpilih, bagi mengambil kira perkembangan khusus syarikat yang tidak dirangkumi oleh parameter model yang menilai potensi kemerosotan nilai. Bagi dedahan kredit bank-bank, peminjam bukan PKS yang gagal dalam simulasi diandaikan akan mencetuskan mungkir silang di keseluruhan kumpulan perniagaan mereka, walaupun anak syarikat lain mungkin kukuh dari segi kewangan. Peminjam isi rumah yang mungkir juga diandaikan akan mungkir silang atas semua pinjaman mereka. Pinjaman peminjam mungkir diandaikan kekal terjejas pada sepanjang tempoh tekanan biarpun keupayaan membayar balik hutang meningkat kemudiannya. Ujian tekanan terus mengandaikan bahawa tiada lagi bantuan bayaran balik pinjaman atau langkah sokongan dasar[19] disediakan untuk isi rumah dan perniagaan semasa tempoh ujian tekanan. Ujian tekanan ini juga menggabungkan anggaran kerugian dan dedahan daripada anak syarikat dan cawangan luar negeri kumpulan perbankan domestik (*domestic banking group*, DBG) besar[20] di empat negara. Gabungan andaian tekanan imbuhan dan tambahan, di samping nisbah kemerosotan yang lebih tinggi pada permulaan tempoh ujian tekanan yang merangkumi kesan COVID-19 (MST 2023: 2.1%; MST 2022: 1.4%),[21] mengakibatkan unjuran pinjaman terjejas di bawah MST 2023 adalah lebih tinggi dibandingkan dengan ujian sebelumnya.

Jadual 2.1: Ujian Tekanan Makro: Perubahan Utama pada Andaian dalam Ujian Tekanan Sistem Perbankan

Bahagian	Perubahan Andaian Utama
Model risiko kredit	• Pinjaman PKS yang akan matang dengan bayaran balik pinjaman secara sekali gus *(bullet repayments)* yang diandaikan kes mungkir(i) • Penggabungan kejutan tambahan daripada keadaan kewangan yang semakin ketat(ii) kepada peminjam perniagaan bukan PKS
Kos kredit	• Anggaran dibuat berdasarkan nisbah perlindungan tertinggi(iii) pada tahun 2021 dan 2022, serta diandaikan tidak berubah semasa ujian tekanan
Dedahan pertukaran asing	• Penggabungan keuntungan dan kerugian daripada dedahan pertukaran asing
Modal dan aset berwajaran risiko (RWA)	• Pengiktirafan aset berwajaran risiko (*risk-weighted assets*, RWA) yang lebih tinggi berikutan kenaikan dedahan FCY diukur dalam ringgit
Operasi luar negeri	• Mengambil kira kerugian daripada cawangan dan subsidiari utama luar negeri DBG yang besar dengan operasi luar negeri yang ketara

Nota:
(i) PKS daripada semua sektor diandaikan akan menghadapi kesukaran yang sama untuk membayar balik pinjaman secara sekali gus di bawah SB1 dan SB2. Ujian Tekanan Makro ST2 2021 membuat andaian bahawa hanya PKS daripada sektor mudah terjejas yang lebih terkesan oleh pandemik menghadapi kesukaran membayar balik pinjaman secara sekali gus.
(ii) Bayaran faedah yang tinggi untuk pinjaman mata wang asing dan pembiayaan semula kos yang lebih tinggi untuk bon korporat yang akan matang.
(iii) Nisbah perlindungan ditakrifkan sebagai nisbah peruntukan kepada pinjaman yang diklasifikasikan sebagai tahap yang sama seperti yang ditakrifkan di bawah MFRS 9. Sebagai contoh, nisbah perlindungan Tahap 3 adalah nisbah peruntukan Tahap 3 kepada pinjaman Tahap 3.

Sumber: Bank Negara Malaysia

[18] OPR diandaikan berada dalam trend menurun supaya koheren dengan kelemahan pertumbuhan ekonomi dan pengangguran yang meningkat, serta tekanan inflasi yang menurun. Di samping itu, Bank juga telah menjalankan analisis sensitiviti sebelum ini untuk menilai keupayaan bank-bank untuk menahan kerugian kredit yang lebih tinggi berikutan kenaikan mendadak dalam OPR. Keputusan mengesahkan bahawa sistem perbankan kekal berdaya tahan berdasarkan andaian sedemikian. Rujuk Bab 'Kekukuhan dan Daya Tahan Institusi Kewangan – Sektor Perbankan' dalam Tinjauan Kestabilan Kewangan Separuh Pertama 2022 Bank Negara Malaysia untuk keterangan lanjut.

[19] Hal ini mungkin termasuk fleksibiliti untuk mengeluarkan simpanan persaraan, program subsidi gaji atau pindahan tunai daripada Kerajaan.

[20] Ujian tekanan hanya meliputi DBG dengan operasi luar negara yang signifikan.

[21] Angka tersebut merujuk nisbah pinjaman terjejas sebenar yang digunakan sebagai garis dasar bagi unjuran nisbah pinjaman terjejas bagi kedua-dua ujian tekanan. MST 2023 merujuk ujian tekanan kesolvenan makro semasa, manakala MST 2022 merujuk ujian tekanan yang diterbitkan dalam Tinjauan Kestabilan Kewangan BNM Separuh Kedua Tahun 2021. Nisbah pinjaman terjejas asas bagi MST 2023 termasuk kerugian daripada operasi luar negeri DBG besar terpilih. Tidak termasuk kerugian operasi luar negeri, nisbah pinjaman terjejas asas MST 2023 ialah 1.8%.

Keputusan ujian tekanan terus mengesahkan daya tahan institusi kewangan walaupun di bawah simulasi kejutan yang teruk

Keputusan menunjukkan bahawa menjelang akhir tahun 2025, keseluruhan pinjaman terjejas diunjurkan meningkat hingga 6.9% dan 7.7% (MST 2022: 6.1% dan 6.6%) daripada jumlah pinjaman sistem perbankan masing-masing di bawah SB1 dan SB2, didorong sebahagian besarnya oleh isi rumah (Rajah 2.26). Kebanyakan (65%) peminjam isi rumah yang diunjurkan berisiko untuk mungkir di bawah kedua-dua SB1 dan SB2 ialah peminjam yang berpendapatan di bawah RM5,000 sebulan, disebabkan oleh penampan kewangan mereka yang kecil (Rajah 2.27). Namun begitu, peminjam ini mencakupi bahagian yang lebih rendah (42%) daripada pinjaman terjejas baharu mengikut nilai yang mencerminkan saiz pinjaman mereka yang lebih kecil berbanding kumpulan yang berpendapatan tinggi. Peminjam yang berpendapatan antara RM5,000 dan RM10,000 sebulan juga akan terdedah pada tekanan di bawah kejutan ekonomi yang teruk dan membentuk 29% daripada jumlah peminjam berisiko dan bahagian hutang terjejas baharu mengikut nilai yang lebih tinggi sebanyak 43%. Bagi perniagaan, syarikat bukan PKS mencakupi lebih separuh daripada jumlah pinjaman terjejas perniagaan, sepadan dengan saiz pinjaman terkumpul mereka yang lebih besar dan andaian mungkir silang konservatif. Pinjaman terjejas PKS lebih tinggi di bawah SB2 (1.7%; SB1: 1.4% daripada jumlah pinjaman sistem perbankan) kerana penampan tunai mereka yang agak kecil terhakis dengan lebih teruk di bawah kemelesetan ekonomi yang berlarutan.

Risiko kredit terus mendorong kerugian pada sistem perbankan dalam ujian tekanan. Di bawah SB1 dan SB2, kos kredit kumulatif sepanjang tempoh tekanan 3 tahun masing-masing diunjurkan berjumlah RM53.1 bilion dan RM58.5 bilion (atau 58% dan 63% daripada jumlah kerugian) (Rajah 2.28).[22] Kira-kira 20% daripada kos kredit kumulatif berpunca daripada operasi luar negeri bank-bank dan sebahagian besarnya merupakan kerugian daripada kemungkiran besar syarikat bukan PKS. Sementara itu, unjuran peningkatan hasil bon dijangkakan akan menyebabkan kerugian penilaian semula yang agak besar terhadap bon yang dipegang dalam portfolio nilai saksama melalui pendapatan komprehensif lain (*fair value through other comprehensive income*, FVOCI) (RM36 bilion atau 39% dan RM33 bilion atau 36% daripada jumlah kerugian, masing-masing di bawah SB1 dan SB2) dan secara langsung mengurangkan penampan modal bank-bank (Rajah 2.29).

[22] Dalam ujian tekanan sebelum ini, unjuran kos kredit dalam tempoh tiga tahun masing-masing berjumlah RM38.4 bilion dan RM41.7 bilion di bawah SB1 dan SB2. Rujuk Tinjauan Kestabilan Kewangan Separuh Kedua 2021 Bank Negara Malaysia untuk keterangan lanjut.

Rajah 2.26: Ujian Tekanan Makro: Sistem Perbankan – Nisbah Pinjaman Terjejas di Bawah Senario Buruk 1 dan 2



u Unjuran

Nota: Angka-angka pinjaman terjejas termasuk dedahan daripada operasi luar negara DBG terpilih.

Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 2.27: Ujian Tekanan Makro: Sektor Isi Rumah – Profil Pinjaman Terjejas di Bawah Senario Buruk 2



Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan.

Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 2.28: Ujian Tekanan Makro: Sistem Perbankan – Pendorong Kerugian Kredit Kumulatif di Bawah Senario Buruk 2



u Unjuran

Note: 1. (...) merujuk % daripada kos kredit kumulatif keseluruhan.
2. Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan.

Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 2.29: Ujian Tekanan Makro: Sistem Perbankan – Pendorong Kerugian Utama di Bawah Senario Buruk 2



Nota: Risiko pasaran termasuk kerugian penilaian semula daripada pemegangan bon dalam portfolio nilai saksama melalui pendapatan komprehensif lain (*fair value through other comprehensive income*, FVOCI).

Sumber: Bank Negara Malaysia

Keuntungan sistem perbankan secara keseluruhan mungkin menurun sebanyak 60% pada tahun pertama tekanan akibat kos kredit dan kerugian akaun dagangan yang lebih tinggi. Kerugian daripada pergerakan FX kekal terhad, masing-masing mencakupi 0.9% dan 0.5% daripada jumlah kerugian di bawah SB1 dan SB2. Pemulihan seterusnya dalam pendapatan faedah bersih akan meningkatkan sedikit keuntungan. Walaupun jangkaan kerugian daripada operasi luar negeri kekal besar bagi DBG yang besar, kesannya terhadap DBG dikurangkan dengan ketara oleh penampan modal sihat yang dikekalkan oleh entiti luar negeri masing-masing.

Nisbah modal agregat sistem perbankan akan kekal selesa melebihi paras minimum pengawalseliaan (Rajah 2.30). Sebahagian besar (lebih daripada 80%) bank-bank akan dapat mengekalkan nisbah modal melebihi sasaran modal dalaman mereka, walaupun 24 daripada 54 bank dengan bahagian terkumpul sebanyak 25% daripada jumlah aset sistem perbankan akan melaporkan kerugian sekurang-kurangnya dalam satu tahun sepanjang tempoh tekanan. Hanya dua bank yang mencakupi kurang daripada 1% daripada jumlah aset sistem perbankan, dijangka melanggar keperluan modal pengawalseliaan minimum dalam senario buruk ini. Secara keseluruhan, keputusan ujian tekanan mengesahkan bahawa bank-bank dapat bertahan dengan kejutan makroekonomi dan kewangan yang ketara dan berada pada kedudukan yang baik untuk mengekalkan pinjaman kepada perniagaan dan isi rumah.

Ujian tekanan kesolvenan makro untuk penanggung insurans juga menggunakan senario SB1 dan SB2 yang sama. Di samping itu, andaian khusus insurans juga digunakan, seperti (i) peningkatan pembayaran

Rajah 2.30: Ujian Tekanan Makro: Sistem Perbankan – Nisbah Modal di Bawah Senario Buruk 1 dan 2



u Unjuran
Sumber: Bank Negara Malaysia

faedah perubatan akibat inflasi perubatan dan lebih banyak prosedur elektif ketika negara bergerak ke fasa endemik; (ii) andaian konservatif terhadap pertumbuhan liabiliti dan premium insurans hayat; (iii) tuntutan insurans am yang lebih tinggi apabila alat ganti motor menjadi lebih mahal disebabkan oleh gangguan bekalan, dan kejadian banjir yang besar; (iv) kadar premium yang lebih rendah berikutan persaingan yang semakin sengit dalam segmen motor dan kebakaran; dan (v) pasaran insurans semula yang semakin sukar disebabkan oleh kapasiti insurans semula global yang lebih rendah.

Di bawah SB1 dan SB2, sektor insurans dinilai untuk mengekalkan nisbah kecukupan modal (*capital adequacy ratio*, CAR) agregat melebihi paras pengawalseliaan minimum (Rajah 2.31). Risiko pasaran kekal sebagai pemacu kerugian terbesar bagi penanggung insurans hayat (Rajah 2.32), dengan peningkatan hasil bon dan prestasi pasaran ekuiti yang lemah menjejaskan pegangan mereka yang signifikan dalam aset kewangan.

Walau bagaimanapun, pendapatan pengunderaitan daripada premium perniagaan baharu dijangkakan akan mengurangkan kesan terhadap CAR. Hanya satu penanggung insurans hayat kecil, yang mencakupi kurang daripada 3% daripada jumlah aset insurans hayat, dijangka tidak akan mematuhi tahap minimum pengawalseliaan selepas kejutan. Sementara itu, CAR penanggung insurans am diunjurkan lebih rendah khususnya di bawah SB2, sebahagian besarnya disebabkan oleh kerugian penilaian semula terhadap pelaburan bon, tuntutan yang lebih tinggi daripada segmen motor dan kebakaran, dan premium yang lebih rendah akibat persaingan yang ketara. Ujian tekanan kesolvenan makro juga ditambah dengan penilaian keupayaan penanggung insurans untuk memenuhi keperluan mudah tunai jangka pendek di bawah keadaan yang tertekan, termasuk bayaran faedah polisi yang lebih tinggi akibat pengembalian, bayaran berkaitan dengan perubatan dan tuntutan banjir. Penilaian mudah tunai mengesahkan bahawa penanggung insurans mempunyai aset mudah tunai yang mencukupi[23] bagi memenuhi obligasi ini.

[23] Merujuk wang tunai dan deposit serta MGS.

Rajah 2.31: Ujian Tekanan Makro: Sektor Insurans – Nisbah Kecukupan Modal (CAR) di Bawah Senario Buruk 1 dan 2



Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 2.32: Ujian Tekanan Makro: Sektor Insurans – Punca Kerugian di Bawah Senario Buruk 2



Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan.

Sumber: Bank Negara Malaysia

Penting untuk difahami bahawa dari segi reka bentuk, ujian tekanan menggunakan andaian yang sangat konservatif untuk menilai daya tahan bank dan penanggung insurans terhadap kejutan buruk. Walau bagaimanapun, impak sebenar senario tekanan terhadap institusi kewangan berkemungkinan tidak terlalu teruk disebabkan oleh pelbagai faktor termasuklah:

- Tindakan awalan oleh institusi kewangan untuk meningkatkan penampan modal melalui strategi pengekalan modal, terbitan baharu atau suntikan daripada institusi induk;
- Keupayaan operasi dan kewangan institusi kewangan yang kukuh untuk menyokong isi rumah dan perniagaan yang menghadapi tekanan kewangan sebelum gangguan ekonomi berlaku;
- Tindakan pemulihan bagi pinjaman terjejas untuk mengurangkan andaian kerugian yang digunakan dalam ujian tekanan ini;
- Penampan peruntukan yang besar yang dibina untuk mengurangkan kesan kos kredit pada masa hadapan; dan
- Intervensi dasar yang berkemungkinan besar diambil oleh Bank, Kerajaan dan/atau pihak berkuasa lain untuk mengurangkan kesan kejutan kewangan dan ekonomi yang teruk.

Perkembangan Pelaksanaan Perubahan Iklim dan Taksonomi Berasaskan Prinsip (Climate Change and Principle-based Taxonomy, CCPT) dalam Sektor Kewangan

CCPT[1] merupakan rangka kerja untuk institusi kewangan mengenal pasti dan mengkategorikan kegiatan ekonomi yang menyumbang kepada daya tahan iklim. Mulai Julai 2022, institusi kewangan mula menghantar laporan separuh tahun kepada Bank tentang pendedahan mereka sejajar dengan prinsip panduan dan sistem klasifikasi CCPT (Gambar Rajah 1).

Gambar Rajah 1: Prinsip Panduan dan Sistem Klasifikasi CCPT



Sistem Klasifikasi CCPT		Kegiatan Ekonomi GP1	Kegiatan Ekonomi GP2	Keseluruhan Perniagaan GP3	Keseluruhan Perniagaan GP4
Sokongan Iklim Aktiviti yang memberikan impak positif terhadap perubahan iklim, dan tidak menyebabkan kemudaratan yang ketara kepada alam sekitar	C1	GP1 atau GP2 atau kedua-duanya		✓	
Peralihan Aktiviti yang menyebabkan kemudaratan yang ketara kepada alam sekitar, namun langkah-langkah pemulihan di ambil untuk mengurangkan kemudaratan	C2	GP1 atau GP2 atau kedua-duanya		✗	✓
	C3	✗		✗	✓
Senarai Pantauan Aktiviti yang menyebabkan kemudaratan yang ketara terhadap alam sekitar dan tiada langkah-langkah pemulihan diambil untuk mengurangkan kemudaratan	C4	GP1 atau GP2 atau kedua-duanya		✗	✗
	C5	✗		✗	✗

Nota: Terdapat lima prinsip panduan dalam CCPT. GRH merujuk kepada gas rumah hijau.

Sumber: Dokumen Perubahan Iklim dan Taksonomi Berasaskan Prinsip, 30 April 2021

Perkembangan menggalakkan diperhatikan dalam klasifikasi dedahan

Walaupun pelaporan CCPT masih pada peringkat awal, institusi kewangan sudah menunjukkan kemajuan dalam penambahbaikan kualiti dan liputan pelaporan. Institusi kewangan berjaya mengklasifikasikan 94.5% daripada jumlah pinjaman/pembiayaan baharu yang diluluskan pada separuh kedua tahun 2022, dan 70.5% daripada pinjaman/pembiayaan terkumpul setakat bulan Disember 2022, iaitu meningkat daripada masing-masing 92.5% dan 55.0% bagi tempoh berakhir bulan Jun 2022 (Rajah 1). Peningkatan itu susulan usaha yang giat oleh institusi kewangan untuk mengintegrasikan faktor berkaitan iklim dalam proses semakan kredit tahunan para pelanggan mereka.

Pada separuh tahun kedua (ST2), bahagian pinjaman/pembiayaan baharu yang lebih tinggi diklasifikasikan oleh institusi kewangan dalam kategori peralihan iklim, iaitu C2 dan C3 (55.9%; separuh tahun pertama (ST1) 2022: 46.3%). Hal ini juga dapat diperhatikan bagi pinjaman/pembiayaan terkumpul (Disember 2022: 45.9%; Jun 2022: 26.3%). Bahagian yang lebih besar ini mencerminkan sokongan berterusan oleh institusi kewangan terhadap perniagaan yang mengambil inisiatif untuk beralih kepada aktiviti dan operasi karbon lebih rendah, serta pengamatan yang lebih jelas dalam strategi iklim pelanggan mereka, susulan perbincangan bersama pelanggan dalam bidang ini yang semakin bertambah baik.

[1] Rujuk rencana bertajuk 'Pelaksanaan CCPT dalam Sektor Kewangan' dalam Tinjauan Kestabilan Kewangan Separuh Kedua 2021 Bank Negara Malaysia.

Rajah 1: Klasifikasi CCPT untuk Pembiayaan atau Pinjaman Baharu Terkumpul



Nota: Dedahan segmen bukan PKS dan PKS. TDDL bermaksud 'tidak diklasifikasikan di tempat lain' disebabkan oleh dedahan yang dikecualikan daripada pelaporan CCPT serta akaun yang belum disemak.

Sumber: Pelaporan CCPT, Jun dan Disember 2022

Institusi kewangan juga mempamerkan kemajuan dari segi klasifikasi pendedahan pelaburan kewangan.[2] Institusi kewangan berupaya mengklasifikasikan 73.3% dan 68.3% daripada pelaburan baharu dan terkumpul pada ST2 2022, meningkat daripada 55.2% dan 57.1% pada ST1 2022 (Rajah 2). Penzahiran berkaitan maklumat iklim yang terhad yang dibuat oleh penerbit instrumen kewangan merupakan faktor utama yang menyumbang kepada cabaran institusi kewangan untuk mengklafisifikasikan pendedahan ini.

Klasifikasi CCPT yang dilaporkan masih mencerminkan varians yang besar antara semua institusi kewangan, sebahagiannya didorong oleh kualiti data yang tersedia kepada institusi kewangan, dan perbezaan dalam kriteria yang digunakan untuk menilai prinsip panduan CCPT. Dalam hal ini, Bank dan institusi kewangan mengambil langkah yang aktif untuk meningkatkan ketekalan dalam penilaian dan menangani jurang data berkaitan iklim. Pada bulan Disember 2022, Jawatankuasa Bersama Mengenai Perubahan Iklim[3] (Joint Commitee on Climate Change, JC3) menerbitkan Katalog Data Iklim[4] sebagai titik permulaan untuk menangani keperluan data yang kritikal bagi sektor kewangan (Gambar Rajah 2). Susulan penerbitan ini, JC3 kini akan memberikan tumpuan pada kerjasama dengan pembekal data yang berkenaan untuk menyelesaikan isu kebolehcapaian data serta meningkatkan kualiti, kebolehbandingan (*comparability*) dan ketekalan data berkaitan iklim daripada sumber data yang dikenal pasti. JC3 juga bekerjasama dengan Komuniti Pengamal (Community of Practitioners, CoP) Pengantaraan berasaskan Nilai (*Value-based Intermediation*, VBI) untuk memperluas kes penggunaan CCPT menerusi kes penggunaan khusus sektor/projek yang dirangkumi dalam Panduan Sektoral VBIAF.[5] Tindakan untuk menambah baik kualiti klasifikasi bagi pelaporan CCPT ini akan terus menjadi keutamaan bagi mengurangkan risiko *greenwashing*.[6]

[2] Termasuk ekuiti dan bon.
[3] JC3 ialah platform yang ditubuhkan pada bulan September 2019 untuk melaksanakan usaha kerjasama bagi membina daya tahan iklim dalam sektor kewangan. Inisiatif JC3 dilaksanakan oleh lima jawatankuasa kecil: Pengurusan Risiko, Tadbir Urus dan Penzahiran, Produk dan Inovasi, Penglibatan dan Pembinaan Keupayaan, serta Menangani Jurang Data.
[4] Katalog Data Iklim berfungsi sebagai sumber rujukan umum bagi ketersediaan dan kebolehcapaian data iklim dan alam sekitar berdasarkan senarai keutamaan kes penggunaan sektor kewangan. Rujuk Bab 2.2, 'Ke Arah Sistem Kewangan yang Lebih Lestari' dalam Laporan Tahunan 2022 Bank Negara Malaysia.
[5] Rangka Kerja Penilaian Impak Pembiayaan dan Pelaburan Pengantaraan berasaskan Nilai (*Value-based Intermediation Financing and Investment Impact Assessment Framework*, VBIAF).
[6] *Greenwashing* merujuk amalan syarikat yang membuat dakwaan palsu atau mengelirukan mengenai usaha mereka dalam mitigasi dan adaptasi terhadap perubahan iklim atau membesar-besarkan kesan daripada usaha mereka.

Rajah 2: Klasifikasi CCPT untuk Pelaburan Kewangan Baharu dan Terkumpul



Nota: Dedahan segmen bukan PKS dan PKS. TDDL bermaksud 'tidak diklasifikasikan di tempat lain' disebabkan oleh dedahan yang dikecualikan daripada pelaporan CCPT serta akaun yang belum disemak.

Sumber: Pelaporan CCPT, Jun dan Disember 2022

Gambar Rajah 2: Katalog Data Iklim



Nota: Katalog Data Iklim mempunyai 82 item data, di mana 55 item di dalam 8 kumpulan data utama dan 27 item di bawah kumpulan lain-lain. GRH merujuk kepada gas rumah hijau.

Sumber: Bank Negara Malaysia

Bentuk pembiayaan inovatif baharu semakin berkembang bagi menyokong peralihan

Bahagian dedahan yang tinggi yang dilihat dalam kategori peralihan dan senarai pantauan, iaitu C2 hingga C5 (termasuk dedahan yang tidak diklasifikasikan di tempat lain (TDDL)), merentas kebanyakan sektor (Rajah 3) menunjukkan betapa perlunya pelaburan hijau dan pembiayaan peralihan yang signifikan untuk menyokong langkah mitigasi dan adaptasi terhadap perubahan iklim oleh perniagaan, terutamanya PKS. Bagi memenuhi keperluan ini, pendekatan pembiayaan yang baharu diperlukan untuk meningkatkan skala aliran kewangan ke arah aktiviti peralihan iklim. Hal ini termasuk menggunakan pelbagai instrumen pembiayaan, seperti penyelesaian pembiayaan alternatif dengan ciri perkongsian awam-swasta dan pilihan kewangan gabungan dengan pengaturan perkongsian risiko.

Rajah 3: Klasifikasi CCPT untuk Sektor Tertentu



Nota: Dedahan segmen bukan PKS dan PKS. TDDL bermaksud 'tidak diklasifikasikan di tempat lain' disebabkan oleh dedahan yang dikecualikan daripada pelaporan CCPT serta akaun yang belum disemak.

Sumber: Pelaporan CCPT, Disember 2022